

Program UPM-IPTS lahir ramai tenaga mahir

PROGRAM Kerjasama Universiti Putra Malaysia-Institusi Pengajian Tinggi Swasta (UPM-IPTS) yang dilaksanakan sejak 1997 berjaya membantu kerajaan melatih dan melahirkan ramai tenaga kerja berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Baraie, berkata program berkenaan juga memberi harapan kepada pelajar untuk meneruskan pengajian mereka, walaupun gagal mendapat tempat di institusi pengajian tinggi awam.

"Bagi menjamin kualiti program pengajian, Pusat Pendidikan Luar UPM bertanggungjawab mengawal selia dari semasa ke semasa bagi memastikan IPTS yang diberi kepercayaan itu menepati piawaian," katanya berucap pada Majlis Konvokesyen Ke-6 UPM-IPTS, di Pusat

Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM Serdang, semalam.

Pada majlis itu, seramai 1,944 graduan dari 24 IPTS menerima diploma dan ijazah yang disampaikan Dr Mohd Zohadie.

Graduan Bachelo Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian), Kolej Teknologi Cybernetics, Thien Lee Chin @ Mary 25, dan graduan Bachelo Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) dari Kolej Yayasan Melaka, Mohd Hafizi Abdul Ghani 23, diumumkan penerima Anugerah Graduan Cemerlang Peringkat Bachelo.

Graduan Diploma Sains Komputer, Kolej Teknologi Timur, Fadzilon Mohd Fadzli 21, dan Azrahayu Abd Aziz 25, penerima Anugerah Graduan Cemerlang Peringkat Diploma.



DR MOHD ZOHADIE (dari kiri) mengucap tahniah kepada pelajar **Mohd Hafizi, Thien, Azrahayu, Fadzilon** (dari kiri barisan kedua) dan tiga adik beradik tamat pengajian serentak, **Noor Azlin Sainan, Mohd Yaser dan Mohd Azley**.